

Sukuk pinjaman rumah kakitangan awam dapat sambutan

UM 23/4

KUALA LUMPUR 22 Sept. - Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) berjaya menerbitkan sukuk sebanyak RM4 bilion bagi menyediakan dana pinjaman perumahan kakitangan awam dan mendapat sambutan apabila terlebih langgan sebanyak tiga kali.

Jumlah itu adalah sebahagian daripada sukuk bernilai RM25 bilion yang mahu diterbitkan oleh lembaga tersebut yang diumumkan pada Julai lalu.

Jelas LPPSA, sukuk yang mendapat jaminan kerajaan itu menerima sambutan hangat di pasaran dengan tawaran kadar faedah yang kompetitif.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, minat yang tinggi oleh pelabur terhadap sukuk itu dapat disaksikan lebih awal sewaktu LPPSA mengumumkan sukuk tersebut pada Julai lalu.

"Kami percaya sokongan oleh pelabur-pelabur ini menggambarkan keyakinan pasaran terhadap kekuatan kewangan LPPSA serta kedudukan kredit badan di bawah Kementerian Kewangan yang berperanan untuk menyediakan pinjaman perumahan kepada kakitangan awam," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sepanjang proses tempahan dilaksanakan, sukuk berkenaan menerima tempatan sehing-



ga RM13.39 bilion daripada 68 pelabur. Sukuk diterbitkan secara pecahan antara tiga hingga 30 tahun ditetapkan pada kadar 3.5 peratus hingga 4.90 peratus setahun sepanjang tempoh terbitan.

Affin Hwang Investment Bank Bhd., AmInvestment Bank Bhd., Bank Islam Malaysia Bhd., CIMB Investment Bank Bhd., Maybank Investment Bank Bhd., OCBC Bank (Malaysia) Bhd. dan RHB Investment Bank Bhd. merupakan pengurus bersama dalam menguruskan tempahan yang dibuat.

CIMB Investment Bank Bhd. juga bertindak sebagai ejen fasiliti sementara RHB Islamic Bank Bhd. sebagai penasihat syariah untuk program pembiayaan tersebut.

Mohd. Irwan Serigar yang juga Pengerusi LPPSA sebelum ini berkata, langkah memindahkan pinjaman perumahan sektor awam daripada Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) kepada LPPSA akan mengurangkan beban hutang kerajaan kepada 53 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).